

Bil. S 62

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83{3})

PERINTAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (PINDAAN), 2010

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pemasukan Bahagian VA baru ke dalam S 57/99.
 3. Pindaan bab 121.
 4. Pindaan bab 143.
 5. Pindaan bab 144.
 6. Pindaan Jadual Ketiga kepada S 26/05.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (PINDAAN), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan), 2010.

Pemasukan Bahagian VA baru ke dalam S 57/99.

2. Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memasukkan Bahagian baru yang berikut sejurus selepas Bahagian V —

"BAHAGIAN VA

PERLINDUNGAN KELUARGA

Tafsiran Bahagian ini.

60A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"anggota keluarga", berkenaan dengan seseorang, bermakna —

- (a) suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isteri orang itu;
- (b) anak orang itu hingga ke bawah, termasuk anak angkat dan anak tiri;
- (c) bapa atau ibu orang itu;
- (d) bapa mertua atau ibu mertua orang itu;
- (e) nenek lelaki atau nenek perempuan orang itu hingga ke atas sama ada dari sebelah bapa atau dari sebelah ibu; atau

(f) mana-mana saudara atau orang lain yang pada pendapat Mahkamah, dalam hal keadaan itu, sepatutnya dianggap sebagai seorang anggota keluarga orang itu;

"*dharar Syar'ie*" bermakna perlakuan mana-mana perbuatan yang berikut —

(a) dengan sengaja atau dengan mengetahui menyebabkan, atau cuba menyebabkan, seseorang anggota keluarga dalam keadaan ketakutan kecederaan;

(b) menyebabkan kecederaan kepada seseorang anggota keluarga dengan suatu perbuatan yang diketahui atau sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan;

(c) memaksa anggota keluarga itu dengan kekerasan atau ancaman untuk mengambil bahagian dalam sebarang kelakuan atau perbuatan yang dia berhak untuk tidak melakukannya;

(d) mengurung atau menahan secara salah seseorang anggota keluarga tanpa kerelaannya;

(e) mengganggu secara berterusan dengan niat untuk menyebabkan kesusahan, kegusaran atau keaiban, atau dengan mengetahui mungkin menyebabkan kesusahan, kegusaran atau keaiban kepada seseorang anggota keluarga; atau

(f) menyebabkan kemusnahan, kerosakan atau kehilangan kepada harta seseorang anggota keluarga, atau menyebabkan kerugian kewangan kepada seseorang anggota keluarga;

"kanak-kanak" bermakna seseorang yang belum bernikah yang belum mencapai umur 18 tahun *qamariah*;

"kediaman bersama" bermakna premis di mana pihak-pihak itu sedang, atau telah, tinggal bersama sebagai anggota rumahtangga yang sama;

"mangsa" bermakna seseorang mangsa *dharar Syar'ie*;

"orang dewasa kurang upaya" bermakna seorang dewasa yang kurang upaya atau lemah seluruhnya atau sebahagiannya, oleh sebab ketiadaupayaan fizikal atau mental, tidak sihat atau usia tua;

"orang yang dilindungi" bermakna seseorang yang dilindungi di bawah suatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan segera;

"pegawai penguatkuasa" bermakna seseorang pegawai polis atau mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat atau Pengarah Hal Ehwal Syariah;

"perintah perlindungan" bermakna suatu perintah yang dibuat di bawah bab 60B(1);

"perintah perlindungan segera" bermakna suatu perintah yang dibuat di bawah bab 60C(1);

"saudara" bermakna seseorang yang mempunyai hubungan persaudaraan melalui *nasab* atau perkahwinan, atau melalui penjagaan atau pengangkatan, termasuk pengangkatan *de facto*;

"tempat perlindungan" bermakna mana-mana tempat atau institusi yang —

(a) diisytiharkan demikian di bawah bab 60I(1);

(b) diselenggarakan atau diuruskan oleh mana-mana agensi atau pertubuhan sukarela yang diluluskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi maksud-maksud Bahagian ini; atau

(c) bersesuaian di mana pemilik, penghuni atau pengurusnya bersedia untuk menerima mangsa.

Perintah perlindungan.

60B. (1) Mahkamah boleh, setelah berpuas hati bahawa *dharar Syar'ie* telah dilakukan atau mungkin dilakukan oleh mana-mana orang terhadap seseorang anggota keluarga dan adalah perlu bagi perlindungan anggota keluarga itu, membuat suatu perintah perlindungan yang menghalang orang itu dari melakukan *dharar Syar'ie* terhadap anggota keluarga itu.

(2) Suatu permohonan di bawah Bahagian ini boleh dibuat oleh —

(a) anggota keluarga yang berkenaan;

(b) seseorang pegawai penguatkuasa; atau

(c) dalam hal seseorang kanak-kanak atau orang dewasa kurang upaya, penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab bagi penjagaan kanak-kanak atau orang dewasa kurang upaya itu, atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat.

(3) Suatu perintah perlindungan boleh dibuat tertakluk kepada pengecualian-pengecualian atau syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu dan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan di dalamnya.

(4) Mahkamah, dalam membuat suatu perintah perlindungan, boleh memasukkan suatu peruntukan bahawa orang yang terhadapnya perintah itu dibuat tidak boleh menghasut atau membantu mana-mana orang lain untuk melakukan *dharar Syar'ie* terhadap orang yang dilindungi itu.

(5) Suatu perintah perlindungan boleh, jika Mahkamah berpuas hati bahawa adalah perlu bagi perlindungan orang yang dilindungi itu, mengadakan peruntukan bagi perintah-perintah sebagaimana yang difikirkannya patut, dengan mengambil kira semua hal keadaan kes, termasuk mana-mana satu atau lebih dari perintah-perintah yang berikut —

(a) dengan memberikan hak penghunian eksklusif kepada orang yang dilindungi itu di kediaman bersama atau mana-mana bahagian tertentu kediaman bersama itu dengan mengeluarkan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada kediaman bersama atau bahagian tertentu itu, tidak kira sama ada kediaman bersama itu hanya dipunyai atau disewa oleh orang yang terhadapnya perintah itu dibuat atau dipunyai atau disewa bersesama oleh pihak-pihak itu;

(b) melarang atau menyekat orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada memasuki tempat kediaman, kediaman bersama atau kediaman alternatif orang yang dilindungi itu, atau daripada memasuki tempat pekerjaan, sekolah atau institusi lain orang yang dilindungi itu atau daripada membuat hubungan diri dengan orang yang dilindungi itu selain daripada dengan kehadiran seseorang pegawai penguatkuasa atau orang lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan atau diterangkan dalam perintah itu;

(c) menghendaki orang yang terhadapnya perintah itu dibuat untuk membenarkan orang yang dilindungi itu memasuki kediaman bersama, atau untuk memasuki kediaman orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, dengan ditemani oleh seorang pegawai penguatkuasa bagi maksud mengambil barang-barang kepunyaan orang yang dilindungi itu;

(d) menyatakan hal keadaan bagaimana orang yang terhadapnya perintah itu dibuat boleh dibenarkan untuk berhubung dengan orang yang dilindungi itu;

(e) menghendaki orang yang terhadapnya perintah itu dibuat untuk membenarkan orang yang dilindungi itu untuk terus

menggunakan sesebuah kenderaan yang sebelum itu biasa digunakan oleh orang yang dilindungi itu;

(f) menghendaki orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, orang yang dilindungi itu, kedua-duanya atau anak-anak mereka untuk menghadiri kaunseling yang diberikan oleh seseorang yang dibenarkan oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat atau yang diarahkan oleh Mahkamah;

(g) menghendaki orang yang terhadapnya perintah itu dibuat untuk membayar pampasan di bawah bab 60E kepada orang yang dilindungi itu berkaitan dengan sebarang kecederaan, kemusnahan, kerosakan, kehilangan atau kerugian sebagaimana yang difikirkannya adil dan munasabah;

(h) menempatkan orang yang dilindungi itu dalam mana-mana tempat perlindungan yang sesuai bagi tujuan *maslahah* orang yang dilindungi itu,

dan memberi arahan-arahan sebagaimana yang perlu bagi atau bersampingan dengan penguatkuasaan yang sepatutnya sebarang perintah tersebut.

(6) Kecuali setakat mana perlaksanaan oleh orang yang terhadapnya suatu perintah perlindungan dibuat akan suatu hak terhadap kediaman bersama adalah digantung, dihadkan, dilarang atau disekat menurut suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (5), maka perintah tersebut tidaklah boleh menyentuh sebarang hakmilik atau kepentingan yang mungkin dipunyai oleh orang yang terhadapnya perintah itu dibuat atau mana-mana orang lain ke atas kediaman itu.

(7) Kecuali setakat mana perlaksanaan oleh orang yang terhadapnya suatu perintah perlindungan dibuat di bawah ceraian (5), maka perintah tersebut tidaklah boleh menjejaskan suatu hak terhadap nafkah atau mana-mana hak lain yang terhadapnya orang yang dilindungi itu berhak di bawah Perintah ini.

Perintah perlindungan segera.

60C. (1) Jika, atas permohonan bagi suatu perintah perlindungan di bawah bab 60B, Mahkamah berpuas hati bahawa *dharar Syar'ie* telah atau sedang dilakukan yang memerlukan perlindungan segera, Mahkamah boleh membuat suatu perintah perlindungan segera walaupun —

(a) notis permohonan itu belum disampaikan kepada responden atau belum disampaikan kepada responden dalam masa yang munasabah sebelum permohonan itu didengar; atau

(b) notis permohonan itu menghendaki responden untuk hadir pada suatu masa atau tempat.

(2) Suatu perintah perlindungan segera tidaklah boleh berkuatkuasa sehingga tarikh notis perintah itu dibuat telah disampaikan kepada responden atau, jika Mahkamah telah menentukan suatu tarikh yang kemudian sebagai tarikh perintah itu berkuatkuasa, tarikh yang kemudian itu.

(3) Suatu perintah perlindungan segera hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa pada mana-mana tarikh yang berikut mengikut mana yang berlaku dahulu —

(a) tarikh tamat tempoh 28 hari mulai dari tarikh perintah itu dibuat; atau

(b) tarikh bermulanya pendengaran permohonan bagi suatu perintah di bawah bab ini.

(4) Dengan tidak menghiraukan cerai (3), Mahkamah boleh melanjutkan tempoh perintah perlindungan segera itu.

Peruntukan-peruntukan berkenaan dengan perintah perlindungan dan perintah perlindungan segera.

60D. (1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa orang yang terhadapnya suatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan segera dibuat mungkin melakukan *dharar Syar'ie* ke atas orang yang dilindungi itu, maka Mahkamah boleh mengenakan kuasa untuk menangkap dalam perintah perlindungan atau perintah perlindungan segera itu.

(2) Jika kuasa untuk menangkap dikenakan menurut cerai (1), seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran orang yang terhadapnya perintah itu dibuat apabila dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu melanggar suatu perintah perlindungan, suatu perintah perlindungan segera atau suatu perintah yang dibuat di bawah bab 60B(5)(a) atau (b), oleh sebab orang itu telah melakukan *dharar Syar'ie* atau memasuki mana-mana tempat yang dilarang di bawah perintah itu.

(3) Jika kuasa untuk menangkap dikenakan dalam suatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan segera dan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat ditangkap di bawah cerai (2) —

(a) dia hendaklah dibawa ke Mahkamah dalam masa 48 jam dari masa dia ditangkap; dan

(b) dia tidak boleh dibebaskan dalam tempoh itu kecuali atas arahan Mahkamah, tetapi tiada sebarang apa pun dalam cerai ini boleh membenarkannya terus ditahan di bawah perenggan ini selepas tamat tempoh itu.

(4) Jika seseorang yang terhadapnya suatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan segera telah dibuat melanggar perintah tersebut, Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada sebarang hukuman yang diperuntukkan di bawah cerai (5), membuat mana-mana satu atau lebih dari perintah-perintah di bawah bab 60B(5) untuk mula berkuatkuasa dari tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah atau perintah-perintah yang kemudian itu.

(5) Mana-mana orang yang dengan sengaja melanggar suatu perintah perlindungan, suatu perintah perlindungan segera atau suatu perintah yang dibuat di bawah bab 60B(5) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal kesalahan yang kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, atau dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(6) Mahkamah hendaklah, atas permohonan yang dibuat oleh pemohon atau orang yang terhadapnya suatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan segera dibuat, mempunyai kuasa dengan perintah untuk mengubah, menggantung atau membatalkan sebarang perintah tersebut.

(7) Tamatnya tempoh suatu perintah perlindungan segera menurut bab 60C(3) tidak akan menjejaskan pembuatan satu lagi perintah perlindungan segera di bawah bab itu.

Pampasan.

60E. (1) Jika seseorang mangsa *dharar Syar'ie* mengalami kecederaan diri, kemusnahan atau kerosakan kepada harta, kehilangan harta atau kerugian kewangan akibat dari *dharar Syar'ie* itu, maka Mahkamah boleh mengaward apa-apa pampasan berkaitan dengan kecederaan, kemusnahan, kerosakan,

kehilangan atau kerugian itu sebagaimana yang difikirkannya adil dan munasabah.

(2) Mahkamah boleh mengambil kira tentang —

(a) kesakitan dan penderitaan mangsa itu, dan jenis dan takat kecederaan fizikal atau mental yang dialaminya;

(b) kos rawatan perubatan kerana sebarang kecederaan tersebut;

(c) sebarang kehilangan pendapatan yang timbul dari sebarang kecederaan tersebut;

(d) amaun atau nilai harta yang musnah, rosak atau hilang;

(e) perbelanjaan yang perlu dan munasabah yang dilakukan oleh atau bagi pihak mangsa itu apabila dia terpaksa berpisah atau dipisahkan daripada pihak kena tuntutan oleh kerana *dharar Syar'ie* itu, seperti —

(i) perbelanjaan penginapan yang akan disumbangkan ke tempat perlindungan;

(ii) perbelanjaan pengangkutan dan pemindahan;

(iii) perbelanjaan yang dikehendaki dalam penyediaan tempat tinggal yang berasingan yang, tertakluk kepada cerai (3), boleh meliputi amaun yang merupakan pembayaran pinjaman perumahan atau bayaran sewa atau sebahagiannya, berkaitan dengan kediaman bersama, atau kediaman alternatif, bagi tempoh sebagaimana yang difikirkan bersesuaian oleh Mahkamah.

(3) Dalam menimbangkan sebarang perbelanjaan yang boleh diambil kira di bawah cerai (2)(e)(iii), Mahkamah boleh juga mengambil kira —

(a) kedudukan kewangan mangsa itu dan juga kedudukan kewangan pihak kena tuntutan;

(b) nafkah yang dibayar atau perbelanjaan lain yang wajib dibuat atau disumbangkan oleh pihak kena tuntutan yang timbul dari perhubungan yang wujud di antara pihak-pihak itu;

(c) kemungkinan prosiding lain diambil di antara pihak-pihak itu dan perkara itu lebih sesuai ditangani di bawah peruntukan lain di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain

berhubung dengan peruntukan kewangan suami atau isteri atau bekas suami atau isteri dan orang tanggungan lain.

Kuasa untuk menangkap.

60F. (1) Jika seseorang pegawai polis mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa *dharar Syar'ie* telah dilakukan atau mungkin dilakukan oleh mana-mana orang terhadap seseorang anggota keluarga dan adalah perlu bagi perlindungan anggota keluarga itu untuk menahan orang itu sehingga suatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan segera diperolehi, maka pegawai polis itu boleh tanpa waran menangkap orang itu dan tiap-tiap orang yang ditangkap itu hendaklah dibawa ke sebuah balai polis.

(2) Orang itu hendaklah selepas itu ditangani di bawah bab 33 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

Maklumat mengenai kesalahan yang melibatkan *dharar Syar'ie*.

60G. (1) Mana-mana orang yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan yang melibatkan *dharar Syar'ie* sedang atau telah dilakukan boleh memberi maklumat berkaitan dengannya kepada seseorang pegawai penguatkuasa.

(2) Tiada sesiapa pun yang memberi apa-apa maklumat tersebut dengan suci hati boleh menanggung sebarang liabiliti kerana fitnah atau pun selainnya berkaitan dengan pemberian maklumat itu.

Kewajipan-kewajipan pegawai penguatkuasa.

60H. (1) Kewajipan-kewajipan seseorang pegawai penguatkuasa termasuk —

(a) membantu seseorang mangsa untuk memfailkan suatu aduan berkenaan dengan *dharar Syar'ie*;

(b) mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa itu ke kediaman alternatif atau tempat perlindungan jika pengangkutan tersebut diperlukan;

(c) mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa itu ke rumah sakit atau kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan jika rawatan tersebut diperlukan;

(d) menjelaskan kepada mangsa itu haknya untuk mendapatkan perlindungan dari *dharar Syar'ie*;

(e) menemani mangsa itu ke kediamannya atau kediamannya yang dahulu untuk mengambil barang-barang kepunyaannya;

(f) kewajiban-kewajiban lain yang perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

(2) Seseorang pegawai penguatkuasa yang juga seorang pegawai polis mempunyai kewajiban-kewajiban tambahan yang berikut —

(a) menjalankan kuasa-kuasa untuk menangkap di bawah Bahagian ini atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang lain;

(b) memindahkan atau mengawasi pemindahan seseorang yang dikeluarkan dari kediaman bersama jika Mahkamah telah mengeluarkan suatu perintah di bawah bab 60B(5)(a).

Tempat perlindungan.

60I. (1) Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan mana-mana tempat atau institusi sebagai tempat perlindungan bagi maksud-maksud Bahagian ini.

(2) Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh memerintahkan pemindahan orang yang dilindungi dari satu tempat perlindungan ke satu tempat perlindungan yang lain apabila dan jika timbul keperluan.

Kuasa Pengarah untuk menempatkan mangsa di tempat perlindungan.

60J. Pengarah Pembangunan Masyarakat boleh, apabila berpuas hati bahawa *dharar Syar'ie* telah atau sedang dilakukan terhadap seseorang anggota keluarga dan adalah perlu bagi perlindungan anggota keluarga itu, menempatkan anggota keluarga itu di suatu tempat perlindungan sehingga permohonan bagi suatu perintah perlindungan atau suatu perintah perlindungan segera boleh dibuat.

Kewajipan-kewajipan Pengarah.

60K. Pengarah Pembangunan Masyarakat hendaklah bertanggungjawab bagi penerimaan, penjagaan, kebajikan dan keselamatan mana-mana mangsa yang dihantar ke suatu tempat perlindungan di bawah Bahagian ini bagi tempoh selama mangsa itu berada di tempat perlindungan itu.

Pindaan bab 121.**3. Bab 121 dari Perintah utama adalah dipinda —**

(a) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "Jika" dalam baris pertama;

(b) dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(2) Mahkamah hendaklah, dalam membuat suatu perintah di bawah cerai (1), mengambil kira sebarang perintah yang dibuat di bawah bab-bab 60B atau 60C."

Pindaan bab 143.**4. Bab 143 dari Perintah utama adalah dipinda —**

(a) dengan memansuhkan cerai (1) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

"(1) Ketua Hakim Syar'ie boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan untuk mengawal amalan dan prosedur dalam semua perbicaraan di bawah Perintah ini sebagaimana yang difikirkan olehnya bermanfaat dan aturan-aturan untuk menetapkan dan mengawal bayaran-bayaran dan kos yang kena dibayar dalam semua perbicaraan itu; tertakluk kepada aturan-aturan tersebut, semua perbicaraan di bawah Perintah ini hendaklah dikawal dengan amalan dan prosedur Mahkamah yang ditetapkan oleh Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 (S 26/05), setakat mana amalan dan prosedur itu tidak berlawanan dengan Perintah ini.";

(b) dengan memasukkan cerai (2) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

"(2) Mengenai perkara amalan dan prosedur dalam perbicaraan yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini atau dalam sebarang aturan yang dibuat di bawah Perintah ini atau di

bawah Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 (S 26/05), Mahkamah boleh memakai amalan dan prosedur yang difikirkannya wajar bagi mengelakkan ketidakadilan dan bagi menyelesaikan perkara-perkara yang dipersoalkan di antara pihak-pihak."

Pindaan bab 144.

5. Bab 144(1) dari Perintah utama adalah dipinda dengan memotong "be" di mana ia terdapat kali kedua dalam baris kedua dan menggantikannya dengan "the".

Pindaan Jadual Ketiga kepada S 26/05.

6. Jadual Ketiga kepada Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 adalah dipinda dengan memasukkan butiran baru yang berikut sejurus selepas butiran 1 —

"1A. Semua permohonan berhubungan dengan perlindungan keluarga di bawah Bahagian VA Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999."

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 26 haribulan Jun, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM